



30 November 2015
30 November 2015
P.U. (A) 278

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN
(PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2015

*LOANS GUARANTEE (BODIES CORPORATE)
(REMISSION OF TAX AND STAMP DUTY)
(NO. 4) ORDER 2015*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN) 1965

PERINTAH JAMINAN PINJAMAN (PERTUBUHAN PERBADANAN)
(PEREMITAN CUKAI DAN DUTI SETEM) (NO. 4) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 10(1) Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [*Akta 96*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) (Peremitan Cukai dan Duti Setem) (No. 4) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 30 November 2015.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Jaminan” ertinya jaminan yang diberikan atau akan diberikan oleh Kerajaan;

“Penerbit” ertinya Prasarana Malaysia Berhad (dahulunya dikenali sebagai Syarikat Prasarana Negara Berhad), yang baginya Akta terpakai menurut kuasa Perintah Jaminan Pinjaman (Penetapan Pertubuhan Perbadanan) (Syarikat Prasarana Negara Berhad) 2001 [*P.U. (A) 351/2001*];

“Program Sukuk Murabahah” ertinya Program Nota Jangka Sederhana Islam dengan nilai nominal lima bilion ringgit (RM5,000,000,000.00); dan

“Sukuk Murabahah” ertinya Nota Jangka Sederhana Islam yang diterbitkan menurut Program Sukuk Murabahah.

Peremitan cukai

3. Hendaklah diremitkan sepenuhnya apa-apa cukai yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*] berkenaan dengan apa-apa wang yang kena dibayar di bawah apa-apa perjanjian, nota, surat cara atau dokumen berhubung dengan